

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan vaksin COVID-19 yang diberikan kepada negeri Kedah adalah sebanyak 226,000 dos seminggu seperti dilaporkan oleh Menteri Besar Kedah. Walau bagaimanapun pemberian vaksin perlu ditambahkan segera memandangkan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. Bilakah pihak Kementerian dapat menyediakan vaksin tambahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi bulan Ogos, bekalan vaksin ke negeri Kedah adalah sebanyak 880,900 dos. Bagi bulan September, anggaran agihan bekalan vaksin ke negeri Kedah adalah sebanyak 1,405,200 dos. Agihan ini antara tertinggi berbanding beberapa negeri jiran yang lain. Sehingga 29 September 2021, negeri Kedah telah mencapai 73.0% daripada populasi negeri lengkap dos vaksin manakala sebanyak 82.9% populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sekian, terima kasih.